



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

TEKNIK PEMBUATAN REBANA ANAK DI TANJUNG MALIM, PERAK

Oleh:

NURUL AINA ANISA BINTI MOHD NOR

Laporan ini disediakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian
Warisan Dengan Keahlian (Seni Persembahan)

UNIVERSITI

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
MALAYSIA

2023

KELANTAN

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim, dengan penuh kesyukuran kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniannya, saya dapat menyelesaikan projek penyelidikan ini dengan penuh jayanya. Terlebih dahulu, jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah bagi kursus CFT4134 Projek Penyelidikan II iaitu ,Dr Indra Utama, kerana banyak membantu saya dalam menjalankan projek penyelidikan ini serta berusaha memastikan agar segala penyampaian pengajarannya difahami oleh para pelajar. Segala jasa dan ilmu yang dicurahkan oleh beliau amat saya hargai dan ingati.

Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga, serta rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan mencetuskan idea sepanjang projek penyelidikan ini disiapkan.

Penghargaan terima kasih juga buat Encik Muhammad Hanif Bin Nasir iaitu selaku informan didalam projek penyelidikan saya pada kali ini kerana sudi berkongsi maklumat yang berguna dan banyak membantu saya dalam menyiapkan penulisan ini.

Sekian, terima kasih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN

	HALAMAN
MUKA HADAPAN	1
PENGHARGAAN	2
ISI KANDUNGAN	3-4
ABSTRAK	5
BAB 1 PENDAHULUAN	
A. PENGENALAN	6-7
B. LATAR BELAKANG KAJIAN	7-16
C. PERMASALAHAN KAJIAN	16-17
D. OBJEKTIF KAJIAN	17-18
E. SKOP KAJIAN	18
F. KEPENTINGAN KAJIAN	18-19
KESIMPULAN	20-21

BAB 2 SOROTAN KAJIAN LEPAS	
A. PENGENALAN	22
B. SOROTAN KAJIAN LEPAS	22-33
C. KESIMPULAN	34
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	35-37
BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	
PENGENALAN	38-39
DATA KUALITATIF	40-54
KESIMPULAN	54
BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
KESIMPULAN	55-56
CADANGAN	57-58
RUJUKAN	59-60

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji mengenai teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Kajian ini merangkumi proses-proses mengenai pembuatan alat muzik tradisional yang masih mendapat permintaan didalam bidang seni persembahan iaitu rebana anak. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan rekabentuk kaedah kualitatif. Kajian ini telah melibatkan mendapatkan data melalui kaedah primer dan juga sekunder. Segala objektif dan permasalahan kajian telah dapat dikenal pasti dan dijawab pada analisis dan dapatan kajian.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1: PENDAHULUAN

A. PENGENALAN

Negara kita mempunyai pelbagai alat muzik tradisional yang boleh dibanggakan. Sebagai contohnya adalah seperti gendang, kompang, canang, seruling, gambang dan tidak terkecuali adalah rebana. Rebana kini adalah alat muzik tradisional yang sering digunakan dalam persembahan-persembahan tradisional. Antara persembahan tradisional yang menggunakan alat muzik rebana sebagai pengiring persembahannya ialah seperti dikir barat. Di samping itu juga, permainan muzik rebana di Malaysia banyak digunakan untuk pelbagai keperluan, antaranya adalah untuk acara perkahwinan, perasmian, dan festival kesenian dan kebudayaan. Penggunaan alat muzik rebana akan merencanakan serta membantu membuatkan sesebuah persembahan itu kelihatan lebih menarik. Hal ini demikian kerana, bunyi yang dipalu daripada rebana anak itu sangat sedap didengari oleh gegandang telinga. Untuk pengetahuan semua, rebana anak dimainkan secara pukulan atau dipalu dengan menggunakan tangan.

Rebana anak juga adalah sebagai salah satu usaha dalam meningkatkan ekonomi Malaysia. Rebana anak dapat digunakan didalam bidang keusahawanan dengan cara menjual alat muzik tersebut di dalam pasaran Malaysia mahupun di luar Malaysia. Pembuatan alat muzik rebana anak dapat menjana dan membantu menambahkan pendapatan masyarakat yang kekurangan pekerjaan serta dapat menambahkan pengalaman dan ilmu yang baharu kepada masyarakat mengenai teknik pembuatan alat muzik tradisional. Rebana anak masih mendapat permintaan yang tinggi kerana tidak ramai tenaga yang mahir membuatnya.

Terdapat pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Tanjung Malim merupakan sebuah daerah yang terletak di negeri Perak. Di daerah ini, masih lagi terdapat pembuatan mengenai alat-alat muzik tradisional seperti rebana anak ini.

B. LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut kamus Bahasa Melayu, rebana merupakan sebuah gendang yang hanya sebelah sahaja dipasangi kulit.¹ Rebana terdiri daripada pelbagai jenis. Sebagai contohnya, rebana ibu, rebana anak, rebana ubi, rebana kercing dan lain-lain lagi. Pada kajian kali ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada rebana anak didalam aspek teknik pembuatannya sahaja.

Kajian terhadap teknik pembuatan rebana anak ini akan dijalankan di Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan. Tanjung Malim ini asalnya bermula daripada sebuah tanjung (kawasan tanah yang wujud daripada hakisan sungai) yang sangat luas. Tanjung Malim merupakan sebuah pekan yang terletak di selatan negeri Perak Darul Ridzuan. Pekan ini adalah bersempadan dengan negeri Selangor Darul Ehsan dan bersempadan topografi dengan negeri Pahang Darul Makmur.²

Di samping itu juga, Pekan Tanjung Malim amat dikenali kerana mempunyai sebuah institusi pengajian tinggi awam iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Tanjung Malim berkembang dengan adanya institusi pendidikan yang menawarkan kursus perguruan kepada orang ramai. Masyarakat dari luar negeri mahupun dari dalam negeri Perak, ramai datang ke daerah Tanjung Malim ini bagi melanjutkan pelajaran mereka disini serta menjadikan Tanjung Malim sebagai sebuah tempat pelancongan bagi

¹ Kamus Bahasa Melayu, Kamus pelajar edisi kedua, Dewan Bahasa Dan Pustaka, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=rebana&d=102572&#LIHATSINI>

² Fakhrie Amir (2019), Blog Sejarah Tanjung Malim Perak, <https://www.tempatmenarik.my/sejarah-tanjung-malim-perak/>

mereka. Hal ini demikian kerana, Tanjung Malim turut mempunyai alam sekitar-alam sekitar yang menarik untuk dikunjungi, seperti Sungai Bil dan Teratak Riverview.



Gambar 1.
Peta Tanjung Malim, Perak.³

Negeri Perak mempunyai produk pelancongan yang bagus yang boleh menarik ramai pelancong dari luar mahupun dalam negara. Hal ini termasuklah produk rebana anak. Produk-produk pelancongan seperti rebana anak ini dapat membantu menambahkan pendapatan negeri melalui aspek keusahawanan, serta dapat menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat khususnya didalam teknik pembuatannya. Teknik

³ Peta Tanjung Malim, Perak, <https://tanjungmalimstation.wordpress.com/about/>

pembuatan alat muzik tradisional memerlukan tenaga yang mahir bagi mendapatkan produk yang berkualiti tinggi, seperti yang diperkatakan oleh saudara Kassim Ibrahim, 43, iaitu seorang pembuat alat muzik rebana dari Kampung Pulau Gajah, berkata, Rebana Perak mempunyai keistimewaan dari segi tinggi dan saiz muka namun bunyinya tetap sama. Proses pembuatan alat muzik rebana sangat rumit dan memerlukan kesabaran yang amat tinggi. Hal inilah yang menyebabkan harga rebana sangat tinggi. Satu set rebana dianggarkan berharga RM 2700 hingga RM 3000. Hanya beberapa daerah sahaja di negeri Perak yang masih bergiat aktif dalam alat muzik ini, iaitu daerah Perak Tengah, Kuala Kangsar dan Batang Padang. Rebana kini kian dilupakan terutamanya dalam golongan muda kini. Pada dasarnya rebana mempunyai potensi untuk dijadikan tarikan dan produk pelancongan desa di negeri Perak.⁴ Selain itu juga, produk rebana boleh dijadikan sebagai lambang kebanggaan kepada negeri yang masih mempertahankannya, iaitu seperti negeri Perak. Tambahan pula, pada masa dahulu alat muzik rebana akan dijadikan sebagai hiburan kepada Sultan Perak.

Menurut Muhammad Zulsyamini Sufian Suri, didalam artikel surat khabar, beliau menyatakan bahawa produk alat muzik tradisional rebana masih dicari hingga ke hari ini kerana ianya dapat digunakan pada majlis-majlis keramaian serta dijadikan sebagai produk pelancongan di negara kita. Bentuk dan bahan yang digunakan dalam pembuatan rebana adalah agak unik iaitu seperti kulit lembu atau kerbau, nangka dan kayu sungai.⁵ Promosi mengenai rebana giat dilakukan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perak, di bawah Sentuhan Rebana Asli Warisan (SRAW).

⁴ Noor Hidayah Tanzizi(2020), Blog Jejak Seni Warisan Rebana Perak: Penerbit Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/11/748584/jejak-seni-warisan-rebana-perak>

⁵ Muhammad Zulsyamini Sufian Suri(2017), Artikel Rebana Perak Produk Baharu Pelancongan Negeri : Penerbit Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/365017/rebana-perak-produk-baharu-pelancongan-negeri>

Secara ringkasnya, Rebana Perak akan dimainkan oleh dua belas orang pemain didalam satu kumpulan yang akan melibatkan empat jenis rebana, iaitu penengkah dan penyelang yang digelar sebagai ‘ibu rebana’, satu pembedung dan sembilan pelalu digelar ‘anak rebana’. Rebana diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi dan kulit haiwan iaitu kambing.⁶

Rebana adalah alat muzik yang dikategorikan didalam kumpulan membranofon, dimana alat muzik yang tergolong daripada kumpulan ini akan menghasilkan bunyi pada bahan pembuatannya iaitu kulit. Kulit akan diregangkan bagi menghasilkan bunyi pada alat muzik tradisional tersebut, seperti yang dinyatakan oleh Nik Mustapha bin Nik Mohd.Salleh didalam penulisan bukunya, bahawa rebana merupakan sejenis alat muzik yang tergolong dalam kumpulan membranofon sejenis gendang satu muka yang berbentuk seperti pasu. Ianya sering digunakan dalam ensembel muzik sinkretik yang berkembang di kalangan masyarakat Melayu seperti Dondang Sayang, Joget Inang, Masri, Zapin, Cinta Sayang Melayu Asli dan Ayam Didik.⁷

Selain kumpulan membranofon, terdapat juga kumpulan alat muzik yang lain. Sebagai contohnya adalah idiofon, kordofon dan erofon. Kesemua kumpulan alat muzik ini mempunyai persamaan dan perbezaannya yang tersendiri, seperti yang ditegaskan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia didalam penulisannya, mereka menyatakan bahawa terdapat banyak alat muzik tradisional yang terdiri daripada beberapa kumpulan seperti aerphone. Jenis alat muziknya adalah seperti seruling, kesuling, selumprit dan keluri. Seterusnya, chordophone, alat muziknya ialah rebab, sape dan gambus. Selain itu juga ialah, membranophone, alat muziknya ialah gendang, gedombak, geduk dan tidak

⁶ Noor Hidayah Tanzizi(2020), Blog Jejak Seni Warisan Negeri Perak:Penerbit Berita Harian, <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/11/748584/jejak-seni-warisan-rebana-perak>

⁷ Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh (2009), Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit,Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara(JKKN), hal.66-68

lain tidak bukan adalah rebana. Akhir sekali ialah idiophone. Alat muzik bagi idiophone ialah gong, canang, bonang dan caklempong.⁸

Perbezaan bagi kumpulan-kumpulan alat muzik ini adalah cara dari segi cara pengeluaran bunyinya. Terdapat pengeluaran bunyi dari kulit haiwan, terdapat juga dari tiupan lubang-lubang dan ada yang diketuk pada struktur badannya untuk mengeluarkan rentak yang tertentu. Seperti alat muzik tradisional yang lain juga, rebana amat memainkan peranan yang penting didalam sesebuah persembahan.

Nik Mustapha Bin Nik Mohd. Salleh turut menjelaskan dalam bukunya bahawa peranannya rebana dalam persembahan ensemble adalah sebagai penyokong irama dengan pola-pola paluan yang dapat dikategorikan sebagai irama asas, penambahan dan menyilang. Bahan seperti kayu, kulit kambing, rotan dan buluh digunakan untuk membuatnya. Baluh ataupun temalang bagi alat Rebana lazimnya diperbuat daripada kayu Nangka. Ianya diakui dapat mempengaruhi mutu suara sesebuah alat itu. Dalam ensemble sinkretik terdapat dua sistem Rebana yang sering digunakan, iaitu, rebana yang memerlukan rotan sedak untuk menegangkan kulitnya sebagai prinsip utama dalam proses penalaan bunyi sebelum persembahan. Dengan demikian suara ideal dapat dihasilkan. Dalam berinteraksi, Rebana daripada jenis ini, sering juga disebut sebagai Rebana Medan ataupun Rebana Joget iaitu nama kompaun (compaun name) yang digunakan bagi merujuk tempat asal Rebana berkenaan serta fungsi yang didukunginya. Rebana Penganak diriba oleh pemainnya semasa dalam persembahan.⁹

⁸ Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2020), Alat Muzik Tradisional: Daya Dan Bunyi. Kuala Lumpur: Penerbit, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

⁹ Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh (2009), Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit, Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN)

Alat Muzik Membranofon



Gambar 3.
Alat Muzik Membranofon¹⁰

¹⁰ Alat Muzik Membranofon, <https://quizizz.com/admin/quiz/5fc794465376d3001b3f63ef/alat-muzik-membranofon-e-g>

Seterusnya, adalah cara rebana dimainkan didalam sesuatu persembahan. Rebana boleh dimainkan secara solo mahupun secara berkumpulan. Pemain alat muzik rebana akan memainkannya secara posisi duduk dan meriba atau memegang rebana tersebut lalu memalunya dengan menggunakan tangan. Bunyi yang dihasilkan oleh rebana adalah berpuncunya daripada kulit haiwan yang telah diregangkan pada badan rebana.



Gambar 4.
Cara Rebana dimainkan.¹¹

Rebana anak memerlukan beberapa peralatan dan bahan didalam teknik pembuatannya. Antara bahan yang diperlukan dalam pembuatan alat muzik tradisional

¹¹ Rebana, Kesenian Islam yang Mulai Sirna, <https://republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/14/03/25/n2zcj9-rebana-kesenian-islam-yang-mulai-sirna-1>

rebana ini ialah, kulit haiwan seperti lembu atau kambing, kayu, tali dan paku. Rebana anak memerlukan teknik pembuatan yang teliti agar mendapatkan hasil yang kemas serta bunyi yang betul. Pengkaji akan mengkaji secara keseluruhan mengenai teknik pembuatan rebana anak yang terdapat di Tanjung Malim, Perak agar kajian mengenai Teknik pembuatan rebana anak ini adalah mengikut cara yang betul dan mudahnya. Pengkaji akan mengkaji dari awal kaedah pembuatan bermula sehingga ke kaedah terakhir pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak.



Gambar 5.
Rebana Anak¹²

¹² Rebana Traditional Ibu & Anak Set (Malay Traditional Instrument)(Alat Muzik Melayu Tradisional), <https://theguitarhouse.com.my/rebana/rebana-traditional-ibu-anak-set-malay-traditional-instrument-alat-muzik-melayu-tradisional>

Pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap produk rebana anak perlulah giat dilaksanakan agar warisan pembuatannya tidak tenggelam begitu sahaja, seperti mana yang dikatakan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dalam bukunya, pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap alat muzik perlu dilakukan bagi menyelamatkan warisan-warisan di negara kita. Kepelbagaian alat muzik dapat menyumbang kepada keindahan seni muzik tempatan.¹³ Hal ini demikian dikatakan kerana bidang seni persembahan amat luas untuk diceburi dan diterokai oleh berbagai pihak. Elemen seni persembahan iaitu tarian, lakonan dan nyanyian dapat diketengahkan kepada generasi kini terutamanya kepada pelajar di sekolah mahupun di universiti.

Peninggalan alat muzik tradisional sekarang adalah hasil usaha masyarakat nenek moyang kita yang terdahulu. Mereka telah mencipta alat muzik dengan sendirinya. Usaha mereka sangat tinggi dalam memartabatkan warisan seni muzik tempatan walaupun kekurangan bahan dan alatan pada ketika itu dan masih tiada lagi teknologi canggih seperti zaman sekarang yang boleh menggunakan mesin untuk melakukan aktiviti pembuatan alat muzik, seperti yang ditulis oleh Aniza Zainudin dalam sebuah artikel surat kahabar, alat muzik muncul sejak dahulu lagi. Kebanyakan alat muzik terdahulu menggunakan sumber alam yang terdapat di persekitaran sebagai bahan utama didalam teknik pembuatannya.¹⁴ Masyarakat pada ketika itu sangat berdikari didalam kehidupan mereka sehingga boleh mencapai tahap untuk membuat alatan muzik dengan bahan yang ada didepan mata mereka sahaja. Menurut Rohana Husin, iaitu merupakan seorang Pengarah Muzium Muzik berkata, pada zaman prasejarah alat muzik amat dekat dengan cara hidup masyarakat dan budaya.

¹³ Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2020), Alat Muzik Tradisional: Daya Dan Bunyi. Kuala Lumpur: Penerbit, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

¹⁴ Aniza Zainudin (2019), Blog Muzik Lambang Budaya, Kuala Lumpur: Penerbit, Harian Metro, <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/08/483625/muzik-lambang-budaya>

Sebagai contohnya, melalui sistem kepercayaan, hubungan, struktur sosial dan aktiviti ekonomi.

Produk rebana anak masih relevan untuk dikembangkan bidang pembuatannya dari dahulu sehingga kini. Alat muzik rebana anak dapat membantu didalam bidang seni muzik iaitu mengiringi dan merencanakan lagi sesebuah persembahan khususnya seni persembahan yang berkonsepkan tradisional.

C. PERMASALAHAN KAJIAN

Pengkaji telah melakukan sebanyak 10 pembacaan yang merangkumi buku, jurnal, surat khabar dan internet untuk mendapatkan maklumat mengenai produk rebana anak ini. Melalui pembacaan dan ringkasan yang telah dibuat pada bab 2 iaitu sorotan kajian lepas, permasalahan kajian ini adalah mengenai teknik-teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Topik kajian ini perlu diselesaikan bersesuaian dengan objektif-objektif yang telah disenaraikan iaitu, pengenalpastian objek kajian iaitu produk rebana anak, seterusnya melakukan penganalisan terhadap teknik pembuatan produk rebana anak dan akhirnya dapat menghuraikan topik kajian iaitu teknik pembuatan rebana anak dengan betul mengikut struktur penulisan tesis yang sebenar.

Berdasarkan dapatan maklumat dan pembacaan yang dilakukan oleh pengkaji, maklumat mengenai teknik pembuatan alat muzik tradisional khususnya produk rebana anak adalah kurang diketengahkan. Kajian yang akan dilakukan oleh saya ini iaitu terhadap teknik pembuatan rebana anak ini sedikit sebanyak akan membantu pengkaji lain untuk mengembangkan topik kajian yang lainnya mengenai rebana anak. Kajian yang seterusnya yang boleh dilakukan oleh pengkaji lain, adalah bukan sahaja dari aspek teknik pembuatan, malah juga boleh daripada aspek-aspek lain seperti cara bermain rebana anak, asal-usul rebana anak dan banyak lagi. Pengkaji perlu menyelesaikan permasalahan bagi

topik kajian ini, iaitu teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak secara dengan terperinci.

D. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian diwujudkan sebagai langkah-langkah untuk mencapai tujuan kajian dilakukan. Sebanyak tiga objektif dalam kajian teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak ini. Objektif yang telah disenaraikan oleh pengkaji ini adalah mengikut standard penulisan tesis yang betul. Objektif kajian dapat memudahkan pengkaji supaya lebih mengetahui apa yang ingin dikaji dan dapat mencapai tujuan kajian dengan kadar yang segera. Objektif merangkumi aspek seperti mengenalpasti, menganalisis dan menghuraikan. Ketiga-tiga perkara ini memainkan peranan yang penting bagi mendapatkan kajian yang bagus.

Pertama, pengkaji mengenal pasti objek rebana anak sebagai produk yang boleh menjana pendapatan di Tanjung Malim, Perak. Pengkaji telah melakukan berbagai pembacaan dan membuat ringkasan mengenai sorotan kajian lepas untuk mengenal pasti objek rebana anak didalam bidang teknik pembuatan dan keusahawanan. Tujuan melakukan pengenalpastian terhadap objek kajian adalah untuk mendapatkan data mahupun maklumat awal mengenai objek kajian yang ingin dikaji.

Kedua, pengkaji menganalisis produk rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Setelah proses mengenal pasti dilakukan, pengkaji akan menganalisis data mengenai rebana anak yang dikumpulkan. Ianya adalah bagi melakukan penghuraian maklumat terhadap objek dan isu permasalahan yang ingin dikaji.

Ketiga, pengkaji menghuraikan hasil analisis di dalam bentuk tulisan berstruktur mengenai teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Huraian terhadap

produk rebana anak dan teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak akan ditulis mengikut prosedur struktur penulisan tesis yang betul.

E. SKOP KAJIAN

Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada topik utama kajiannya sahaja. Skop kajian dilakukan agar penulisan di dalam kajian ini menjadi lebih teratur mengikut objektif yang telah ditetapkan dan tidak menyimpang kepada objektif lainnya. Selain itu juga, skop kajian dilakukan agar pembaca atau pengkaji yang seterusnya lebih jelas mengenai apa yang ingin disampaikan serta memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat. Oleh hal yang demikian, kajian ini boleh dilihat dari sudut pandang teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak sahaja.

Pengkaji tidak akan mengkaji dari sisi lain keseluruhan mengenai rebana anak seperti sejarah dan asal usulnya, cara permainannya dan lain-lain lagi. Pengkaji hanya memfokuskan kepada teknik pembuatannya sahaja yang terdapat di Tanjung Malim, Perak. Pengkaji hanya memfokuskan tempat di Tanjung Malim, Perak kerana di daerah ini masih terdapat tradisi pembuatan alat muzik tradisional, iaitu tidak terkecuali produk rebana anak. Pengkaji akan mudah menyelesaikan penulisan mengenai teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim ini. Maklumat-maklumat lain yang diperolehi dari sudut lain turut diambil oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai bahan untuk sorotan kajian lepas.

F. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai produk rebana anak didalam aspek teknik pembuatannya, mempunyai kepentingannya yang tersendiri sama ada untuk diri pengkaji, pihak

universiti dan juga kepada masyarakat. Kajian ini dapat memberikan banyak manfaat kepada semua pihak. Bagi pengkaji, kajian ini dibuat sebagai salah satu syarat bagi memenuhi kehendak Universiti Malaysia Kelantan bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan kepujian. Kajian ini perlu disiapkan didalam tempoh masa yang telah ditetapkan sebelum menamatkan bidang pengajian. Pengkaji telah memilih untuk melakukan penulisan tesis mengenai teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Tajuk yang dipilih ini amatlah bersesuaian dengan bidang pengajian pengkaji iaitu elektif seni persembahan.

Bagi pihak universiti pula, setelah kajian selesai dilakukan, laporan penuh mengenai teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak ini akan diberikan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan untuk dijadikan sebagai bahan bacaan kepada orang lain terutamanya kepada para pelajar dan tidak terkecuali kepada para pensyarah. Kajian ini dapat menambahkan bahan bacaan di perpustakaan universiti. Selain itu juga, laporan kajian yang dilakukan pengkaji ini dapat menambahkan sumber bacaan kepada orang lain untuk melakukan kajian-kajian pada masa yang mendatang.

Akhir sekali bagi kepentingan kepada masyarakat adalah, dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman baru mengenai teknik pembuatan alat muzik rebana anak. Masyarakat dapat mengetahui mengenai teknik-teknik pembuatan alat muzik tradisional iaitu rebana anak secara terperinci. Masyarakat boleh menjadikan penulisan pengkaji ini sebagai rujukan untuk mengaplikasikan teknik-teknik kemahiran pembuatan rebana anak.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, kajian terhadap produk rebana anak didalam aspek teknik pembuatannya perlu dilakukan secara tepat dan terperinci. Rebana anak amat berpotensi untuk dijadikan sebagai produk jualan untuk aktiviti pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana, alat muzik tradisional seperti rebana anak ini sangat unik kejadiannya, Keindahannya dapat dilihat dari segi bentuk, pengeluaran bunyinya, teknik pembuatannya dan lain-lain lagi. Produk rebana anak pastinya akan mendapat tempat dalam kalangan para pelancong. Masih terdapat pembuatan produk rebana anak di daerah Tanjung Malim, Perak. Oleh itu, pengkaji dapat menjadikan kawasan ini sebagai rujukan untuk melengkapkan dan menyiapkan penulisan mengenai teknik pembuatan rebana anak.

Semua maklum bahawa, untuk menghasilkan sebuah alat muzik tradisional adalah bukan mudah. Bahan-bahan yang akan digunakan perlulah berkualiti tinggi dan agak susah untuk didapati. Tidak ramai yang sanggup untuk menghasilkannya. Tempoh masa yang diperlukan untuk menghasilkan alat muzik tradisional juga adalah mengambil masa yang agak lama untuk menyiapkannya. Hal ini dititiberatkan bagi mendapatkan kualiti yang bagus dan bukan sekadar siap sahaja.

Teknik pembuatan produk rebana anak dan juga alat muzik tradisional yang lainnya memerlukan pelan perancangan di atas kertas sebelum membeli bahan untuk melakukannya. Tujuan melakukan pelan adalah untuk melakarkan dan mendapatkan sudut pandangan awal mengenai bentuk yang ingin dilakukan mengikut standard saiz alat muzik rebana anak. Proses lakaran dapat memudahkan tukang pembuat alat muzik untuk mengukur bahan yang ingin digunakan seperti kayu supaya tidak melakukan sebarang pembaziran dan mendapat saiz yang sebetulnya. Selain itu juga, dengan adanya lakaran,

ianya dapat dijadikan sebagai panduan utama sekiranya terdapat sebarang kekeliruan dan masalah semasa proses pertukangan alat muzik berlaku.

Di samping itu juga, penulisan dan kajian mengenai alat muzik rebana anak amat penting untuk dilakukan. Ianya dapat memberi banyak manfaat kepada semua pihak. Kajian mengenai teknik pembuatan rebana anak perlu diperkenalkan objeknya, lalu dilakukan analisis serta perlu dihuraikan oleh pengkaji. Proses-proses ini akan dilakukan bagi melengkapkan dan menyempurnakan topik kajian pada kali ini. Data-data yang dikumpulkan oleh pengkaji melalui pembacaan dan kaedah sorotan kajian lepas, dapat membantu pengkaji lain melakukan kajian yang seterusnya mengenai rebana anak.

Semoga kajian mengenai rebana anak dapat dikembangkan ke peringkat seterusnya oleh pengkaji-pengkaji lain, disamping membantu menambahkan data mahupun maklumat . Pelbagai kajian yang boleh dilakukan terhadap produk rebana anak ini. Dunia alat muzik tradisional amat luas cabangnya jika dilakukan kajian terhadapnya. Tambahan pula, Malaysia mempunyai pelbagai alat muzik tradisional yang boleh dibanggakan dan dijadikan simbolik kepada warisan budaya kita.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

A. PENGENALAN

Sorotan kajian lepas dilakukan bagi mendapatkan data dan maklumat mengenai objek kajian iaitu rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Sebanyak 10 pembacaan telah dilakukan dan diringkaskan mengikut pemahaman pengkaji. Antara bahan bacaan yang digunakan adalah seperti buku, surat khabar, jurnal dan internet. Sorotan kajian lepas juga dilakukan bagi memastikan topik yang dipilih oleh pengkaji iaitu teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak adalah belum pernah ditulis oleh penulis terdahulu.

B. SOROTAN KAJIAN LEPAS

1. ALAT MUZIK TRADISIONAL DALAM MASYARAKAT MELAYU DI MALAYSIA

Nik Mustapha Bin Nik Mohd.Salleh, *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Penerbit Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), 2009, 159 hlm., ISBN : 967-903-013-X ; ilustrasi, bibliografi, indeks

Buku ini adalah merupakan salah satu dokumentasi ringkas dan padat mengenai muzik tradisional khususnya didalam aspek alat muzik. Penulisnya, Nik Mustapha Bin Nik Mohd. Salleh, adalah seorang pensyarah di Pusat Seni Pentas Tradisional (PUTRA) di ASWARA.

Buku ini banyak menceritakan mengenai kisah dan sejarah alat-alat muzik tradisional yang terdapat di negara kita. Kajian mengenai alat muzik amat diperlukan pada masa kini agar ianya tidak dilupakan begitu sahaja dan generasi sekarang dapat mengenali alat-alat muzik tradisional tersebut.

Terdapat banyak alat-alat muzik tradisional dalam masyarakat melayu di Malaysia yang terbahagi kepada empat kumpulan iaitu, alat-alat idiofon, alat-alat membranofon, alat-alat kordofon dan alat-alat erofon. Keempat-empat jenis kumpulan ini mempunyai ciri-ciri dan keistimewaannya yang tersendiri.

Rebana adalah sejenis alat muzik yang tergolong dalam kumpulan membranofon. Rebana adalah sejenis gendang satu muka yang berbentuk seperti pasu (potted type). Ianya sering digunakan dalam ensembel muzik sinkretik yang berkembang di kalangan masyarakat Melayu bandaran seperti Dondang Sayang, Joget Inang, Masri, Zapin, Cinta Sayang Melayu Asli dan Ayam Didik. Dalam konteks persembahan, Rebana akan diletakkan dia atas riba pemain dan dipalu dengan tangan. Ianya dapat menghasilkan pic suara asas seperti mnemonik 'dung' yang dipalu pada bahagian tengah permukaannya dan mnemonik 'tak' dari bahagian tepi alat berkenaan.

Peranannya dalam ensembel adalah sebagai penyokong irama dengan pola-pola paluan yang dapat dikategorikan sebagai irama asas, penambahan dan menyilang. Bahan seperti kayu, kulit kambing, rotan dan buluh digunakan untuk membuatnya. Baluh ataupun temalang bagi alat Rebana lazimnya diperbuat daripada kayu Nangka. Ianya diakui dapat mempengaruhi mutu suara sesebuah alat itu. Dalam ensembel sinkretik terdapat dua sistem Rebana yang sering digunakan, iaitu, rebana yang memerlukan rotan sedak untuk menegangkan kulitnya sebagai prinsip utama dalam proses penalaan bunyi sebelum persembahan. Dengan demikian suara ideal dapat dihasilkan. Dalam berinteraksi, Rebana daripada jenis ini, sering juga disebut sebagai Rebana Medan ataupun Rebana Joget iaitu nama kompaun (compaun name) yang digunakan bagi merujuk tempat asal Rebana berkenaan serta fungsi yang didukunginya. Rebana Penganak diriba oleh pemainnya semasa dalam persembahan.

Penulisan ini banyak menceritakan mengenai jenis-jenis rebana dan juga alat yang digunakan untuk membuat rebana tersebut seperti Rebana Joget, Rebana Penganak, Rebana Pengerum dan lain-lain lagi. Terdapat perbezaan diantara rebana-rebana itu.

2. 'REBANA PERAK PRODUK BAHARU PELANCONGAN NEGERI'

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri, Rebana Perak Produk Baharu Pelancongan Negeri, Kuala Kangsar: Penerbit Berita Harian, 2017; fotografi. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/365017/rebana-perak-produk-baharu-pelancongan-negeri>

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri merupakan seorang wartawan bagi akhbar berita harian.

Akhbar ini menceritakan mengenai rebana di dalam bidang keusahawanan. Rebana masih dicari hingga ke hari ini kerana ianya dapat digunakan pada majlis-majlis keramaian serta dijadikan sebagai produk pelancongan di negara kita. Bentuk dan bahan yang digunakan dalam pembuatan rebana adalah agak unik iaitu seperti kulit lembu atau kerbau, angka dan kayu sungai. Menurut pembuat alat muzik tradisional di Kuala Kangsar Perak, Mohd Sapri Bahari, 62, rebana Perak dikaitkan dengan alat muzik yang berasal dari negara Arab. Selain itu juga rebana berfungsi sebagai hiburan kepada baginda Sultan Perak pada zaman dahulu. Seni warisan rebana amat berpontensi untuk maju dengan menjadikannya sebagai produk didalam industri pelancongan. Bagi menjayakannya, promosi giat dilakukan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perak, di bawah Sentuhan Rebana Asli Warisan (SRAW).

Rebana memerlukan teknik pembuatan yang teliti bagi mendapatkan bunyi yang betul semasa memainkannya.

3. 'JEJAK SENI WARISAN REBANA PERAK'

Noor Hidayah Tanzizi, Jejak Seni Warisan Rebana Perak, Perak; Penerbit Berita Harian, 2020 ; fotografi

<https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/11/748584/jejak-seni-warisan-rebana-perak>

Noor Hidayah Tanzizi merupakan seorang wartawan bagi akhbar berita harian. Negeri Perak mempunyai produk pelancongan yang bagus yang boleh menarik ramai pelancong dari luar mahupun dalam negara. Terdapat banyak seni tradisional yang tersimpan di daerah-daerah di negeri Darul Ridzuan ini. Ini adalah termasuk seni muzik tradisional yang sering dimainkan pada majlis keramaian khususnya alat muzik yang dipanggil rebana. Pada masa dahulu alat muzik rebana dijadikan sebagai hiburan kepada Sultan Perak. Alat muzik rebana wajar dijadikan sebagai pakej pelancongan kerana di dalam pemainannya iaitu muzik yang didendangkan adalah berunsurkan ketuhanan seperti mengisahkan Nabi dan pujian kepada Allah serta para Rasul. Ianya akan memberikan pengajaran dan nilai moral kepada penonton yang menyaksikannya.

Secara ringkasnya, Rebana Perak akan dimainkan oleh 12 orang pemain didalam satu kumpulan yang akan melibatkan empat jenis rebana , iaitu penengkah dan penyelang yang digelar sebagai 'ibu rebana' , satu pembedung dan Sembilan pelalu digelar 'anak rebana'. Rebana diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi dan kulit haiwan iaitu kambing.

Menurut Kassim Ibrahim, 43, iaitu seorang pembuat alat muzik rebana dari Kampung Pulau Gajah, berkata, Rebana Perak mempunyai keistimewaan dari segi tinggi dan saiz muka namun bunyinya tetap sama. Proses pembuatan alat muzik rebana sangat rumit dan memerlukan kesabaran yang amat tinggi. Hal inilah yang menyebabkan harga rebana sangat tinggi. Satu set rebana dianggarkan berharga RM2700 hingga RM3000. Hanya beberapa daerah sahaja di negeri Perak yang masih bergiat aktif dalam alat muzik ini, iaitu daerah Perak Tengah, Kuala Kangsar dan Batang Padang. Rebana kini kian dilupakan terutamanya dalam golongan muda kini.

Pada dasarnya rebana mempunyai potensi untuk dijadikan tarikan dan produk pelancongan desa di negeri Perak. Apabila seni rebana rancak dijalankan oleh penduduk setempat di merata-rata daerah, kegemilangan alat muzik ini dapat dikembalikan dan dapat menambah pendapatan negara. Generasi muda perlu mengambil peluang dalam mempelajari ilmu berkaitan alat-alat muzik tradisional terutamanya rebana.

4. 'AMUKAN GEMA REBANA UBI'

Siti Haliza Yusop, Amukan Gema Rebana Ubi, Kelantan; Penerbit Berita Harian, 2015 ; fotografi

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/12/107598/amukan-gema-rebana-ubi>

Siti Haliza Yusop merupakan seorang wartawan bagi akhbar berita harian.

Paluan rebana ubi semakin sepi setelah ramai penggeraknya meninggal dunia. Pada kebiasaannya rebana ubi akan dimainkan pada waktu majlis perkahwinan dan juga

tamatnya musim menuai. Kini paluan rebana ubi kurang didengari kerana generasi muda tidak meneruskan legasi tersebut.

Risau akan perkara tersebut , Cikgu Alam atau nama penuhnya, Noralam Majid berusaha untuk mengembalikan semula kegemilangan rebana ubi dengan cara mengumpulkan ahli asal Kumpulan Amok Perdana sejak penghujung tahun 2013. Kumpulan ini sudah hampir 30 tahun tidak aktif kerana generasi pertamanya yang merupakan pemgerak kumpulan telah meninggal dunia.

Kini, kumpulan itu telah mula bergiat aktif diatas usaha Cikgu Alam kerana beliau seorang yang sangat mencintai warisan muzik tradisional. Beliau risau sekiranya warisan ini tenggelam begitu sahaja walhal ianya boleh dijadikan satu kebanggaan buat negara kita. Kumpulan ini bukan sahaja hebat dalam memainkan paluan rebana, bahkan turut membuat alat muzik ini dengan sendiri. Ini adalah keistimewaan kumpulan ini kerana pembuatan rebana ubi sangat rumit dan memerlukan pembuatan yang teliti . Pembuatan yang teliti didalam rebana ubi amat penting bagi mendapatkan bunyi yang betul dan sedap didengari.

5. 'ALAT MUZIK TRADISIONAL: DAYA DAN BUNYI'

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Alat Muzik Tradisional : Daya Dan Bunyi, Kuala Lumpur ; Penerbit Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, 2020, saiz tulisan 10/15pt , ISBN : 983-9169-42-1 : ilustrasi, nota kaki, rujukan

Terdapat banyak alat muzik tradisional yang terdiri daripada beberapa kumpulan seperti aerphone. Jenis alat muziknya adalah seperti seruling, kesuling, selumprit dan keluri. Seterusnya, chordophone, alat muziknya ialah rebab, sape dan gambus. Selain itu juga ialah, membranophone, alat muziknya ialah gendang, gedombak, geduk dan

tidak lain tidak bukan adalah rebana. Akhir sekali ialah idiophone. Alat muzik bagi idiophone ialah gong, canang, bonang dan caklempong.

Pemuliharaan dan pemeliharaan terhadap alat muzik perlu dilakukan bagi menyelamatkan warisan-warisan di negara kita. Kepelbagaian alat muzik dapat menyumbang kepada keindahan seni muzik tempatan. Persembahan-persembahan tradisional dapat dijalankan dengan baik sekiranya alat-alat muzik tradisional sentiasa dijaga dan dimainkan. Alat-alat muzik tradisional juga dapat diperkenalkan melalui majlis-majlis keramaian. Setiap alat muzik membawa bunyi dan nada yang berbeza. Bahan-bahan untuk membuat alat-alat muzik tradisional juga adalah berbeza. Sebagai contohnya, ada yang diperbuat daripada kayu, buluh, besi, kulit haiwan, daun, rotan, tembaga dan perak. Bahan-bahan inilah yang akan menentukan bunyinya bagaimana dikeluarkan. Cara bermain alat muzik juga adalah berbeza seperti gesekan dan pukulan.

6. 'REBANA (ALAT MUZIK TRADISIONAL MELAYU)'

Ainol Naim Bin Azizol, Rebana sebagai Alat Muzik Tradisional Melayu, 2009

<http://ainolnaim.blogspot.com/2009/08/rebana-alat-muzik-tradisional-melayu.html?m=1>

Penulisan mengenai rebana sebagai alat muzik tradisional melayu telah diulas oleh Ainol Naim Bin Azizol iaitu seorang blogger.

Rebana adalah sejenis alat muzik yang dikategorikan sebagai membranofon. Rebana mempunyai satu permukaan kulit gendang dan kulit tersebut adalah kulit lembu atau kambing. Kulit gendang ini dikenali sebagai belulang (kulit haiwan yang kering). Permukaan inilah yang menentukan bunyi-bunyi yang dikeluarkan semasa memainkan alat muzik rebana.

Rebana terdiri daripada beberapa jenis seperti Rebana Kercing, Rebana Penganak, Rebana Pengerum, Rebana Dikir Barat dan lain-lain lagi. Rebana-rebana ini mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan-keistimewaannya yang tersendiri. Seperti rebana kercing yang diperbuat daripada logam tembaga dan terletak pada bahagian tengah bingkai. Rupa rebana ini seperti gendang. Rebana Kercing ini kebiasaannya akan dimainkan dengan paluan satu tangan pada permukaan kulit gendang.

Rebana Penganak pula adalah Rebana Ibu yang bersaiz besar serta Rebana Anak yang bersaiz kecil. Rebana ini dimainkan dengan paluan dua tangan dan diletakan pada bahagian peha pemain. Rebana Ibu akan menghasilkan ton bunyi yang rendah dan sederhana tinggi, manakala Rebana Anak akan menghasilkan ton bunyi yang tinggi. Kedua-dua rebana ini memerlukan kerjasama yang penting didalam sesebuah persembahan agar bunyi yang dikeluarkan sedap didengari.

Manakala Rebana Pengerum pula mempunyai 10 atau 8 buah Rebana. Cara rebana ini dimainkan adalah sama seperti Rebana Penganak. Pemain akan memainkan rebana sambil menyanyikan lagu warisan budaya kita.

Rebana Dikir Barat pula terdiri daripada dua jenis Rebana iaitu Rebana Ibu dan Rebana Anak. Rebana Dikir Barat menggunakan kulit kambing. Rentak yang dihasilkan oleh kedua-dua rebana ini sentiasa bertelingkah. Rebana-rebana ini dimainkan dengan paluan satu tangan. Selain dimainkan didalam muzik Dikir Barat, rebana ini turut dimainkan didalam muzik tarian Main Puteri.

7. 'MUZIK LAMBANG BUDAYA'

Aniza Zainudin, Muzik Lambang Budaya, Kuala Lumpur ; Penerbit Harian Metro, 2019 ; fotografi

<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/08/483625/muzik-lambang-budaya>

Aniza Zainudin merupakan seorang wartawan bagi akhbar harian metro.

Alat muzik muncul sejak dahulu lagi. Kebanyakan alat muzik terdahulu menggunakan sumber alam yang terdapat di persekitaran sebagai bahan utama didalam teknik pembuatannya. Menurut Rohana Husin , Pengarah Muzium Muzik berkata, pada zaman prasejarah alat muzik amat dekat dengan cara hidup masyarakat dan budaya. Sebagai contohnya, melalui sistem kepercayaan, hubungan, struktur sosial dan aktiviti ekonomi. Perkara ini dapat dibuktikan melalui masyarakat orang asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Mereka menjadikan muzik sebahagian daripada aktiviti kemasyarakatan mereka seperti musim buah dan majlis perkahwinan. Selain menjadikan muzik sebagai hiburan pada majlis keramaian, masyarakat orang asli juga menggunakan muzik sebagai kaedah perubatan serta menghalau semangat jahat yang mengganggu ketenteraman anak cucu mereka.

Muzik ritual perubatan yang terkenal dalam masyarakat orang asli ialah sewang. Muzik ini dijalankan secara solo dan beramai-ramai sambil diiringi tarian yang juga dikaitkan dengan kehadiran roh. Muzik ini juga menggunakan alat muzik tradisional rebana didalam persembahannya. Alat muzik ini juga telah diinspirasi daripada pengamatan manusia terhadap alam sekitar dan menggunakan sumber daripada alam seperti kayu dan kulit binatang untuk menghasilkan bunyian yang sedap didengari.

8. 'MENGENAL ALAT MUSIK REBANA, FUNGSI DAN CARA MEMAINKANNYA'

Dwi Latifatul Fajri, Mengenal Alat Musik Rebana, Fungsi Dan Cara Memainkan, Indonesia ; Penerbit Berita Nasional, 2021 ; fotografi

<https://katadata.co.id/intan/berita/61a4622de8eb8/mengenal-alat-musik-rebana-fungsi-dan-cara-memainkan>

Dwi Latifatul Fajri merupakan penulis artikel naskah bagi berita nasional.

Terdapat banyak fungsi alat muzik rebana didalam kemasyarakatan. Antaranya ialah sebagai, pengiring kepada tarian tradisional, pengiring kepada Maulid Nabi, berfungsi sebagai alat komunikasi antara masyarakat melalui kesenian serta sebagai pelestarian budaya. Rebana termasuk dalam alat muzik yang mempunyai ritma. Rebana dimainkan secara pukulan dengan tangan. Pemain alat muzik ini boleh memainkannya secara duduk mahupun berdiri. Alat muzik rebana kebiasaannya akan digunakan untuk mengiringi lagu, menentukan tempo nada dan menandai bahagian-bahagian lagu (beat).

Bahagian permukaan rebana adalah berwarna putih dan bahagian belakangnya berwarna hitam. Terdapat bahagian pengikat rotan yang berbentuk silang atau lurus, untuk merekatkan bahagian atas dan belakang. Dikatakan bahawa alat muzik rebana berasal daripada perkataan Arab iaitu Arba dalam konteks Islam yang membawa maksud kewajiban kepada Allah SWT, alam, masyarakat dan kewajiban pada diri sendiri. Alat muzik rebana di Indonesia juga telah berkembang di merata-rata daerah dan berbeza nama panggilannya. Sebagai contohnya, di Riau mereka memanggil rebana ubi tetapi di Aceh mereka memanggil rebana itu sebagai Rapai.

9. 'SEJARAH ALAT MUSIK REBANA'

Aisyahainin, Sejarah Alat Musik Rebana , 2016 ; fotografi

<http://asyahainin.blogspot.com/2016/03/sejarah-alat-musik-rebana.html>

Penulisan mengenai sejarah alat music rebana telah diulas oleh Aisyahainin iaitu seorang blogger.

Penulisan ini menceritakan pengenalan mengenai alat muzik tradisional rebana. Rebana merupakan sejenis gendang satu muka yang dimainkan untuk mengiringi tarian dan nyanyian sesebuah persembahan tradisional rakyat. Rebana dimainkan secara pukulan oleh satu tangan. Masyarakat Melayu berketurunan Brunei di daerah Papar, Beaufort dan Sipitang memanggil rebana sebagai Adai-adai. Rebana adalah berbentuk bundar dan diperbuat daripada kayu dan juga kulit haiwan. Di Malaysia, rebana yang besar dipanggil sebagai rebana ubi yang selalu dimainkan pada majlis-majlis keramaian seperti musim perayaan dan juga majlis perkahwinan. Alat muzik rebana berfungsi sebagai pengiring bunyi dan irama. Selain itu juga, daerah-daerah asia selatan seperti Pakistan, India, Bangladesh, Maladewa juga turut menggunakan kesenian rebana ini namun terdapat perbezaan daripada segi sejarah, dan variasinya.

Rebana besar – rebana satu muka yang terbesar dalam musik masyarakat Melayu. Kyunya adalah kayu merbau. Rebana besar disampaikan secara korus, dipadankan dengan suara pemain yang kebiasaannya terdiri daripada tiga orang pemain. Kebiasaannya dimainkan pada majlis perkahwinan dan juga pertandingan persembahan tradisional.

10. 'PEMULIHARAAN DIKIR REBANA: TINJAUAN DI MARAN, PAHANG'

Norazlinda Mohamed Rosdi & Daeng Haliza Daeng Jamal, Pemuliharaan Dikir Rebana : Tinjauan di Maran, Pahang, Pahang : Penerbit Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia , 2020, hlm. 35-41 ISSN 0128-0732 e-ISSN 2590-4302; ilustrasi, bibliografi, rujukan

Jurnal ini adalah merupakan salah satu dokumentasi ringkas dan padat mengenai alat muzik rebana dikir khususnya di daerah Maran, Pahang. Penulisnya adalah, Norazlinda Mohamed Rosdi dan Daeng Haliza Daeng Jamal, adalah pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan di Universiti Malaysia Kelantan kampus Bachok.

Salah satu persembahan yang menepati ciri-ciri di atas adalah Dikir Rebana. Di Negeri Pahang, Dikir Rebana turut dikenali sebagai 'Dikir Pahang'. Ia merupakan sejenis permainan muzik tradisional Melayu Pahang yang agak terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu yang tinggal di sepanjang sungai Pahang pada masa lalu.

Dikir Rebana itu merupakan satu bentuk dan alat persembahan yang berbentuk nyanyian dan muzik. Ia merupakan sejenis nyanyian rakyat tetapi dalam Bahasa Arab, ia sama seperti alat muzik tradisional seperti kompang dan hadrah. Persembahan seperti ini selalunya dipersembahkan dalam bentuk bulatan dan secara berkumpulan. Penontonnya juga bebas duduk di mana-mana bahagian.

Pada kebiasaannya, sesuatu persembahan tradisional itu mempunyai masa yang panjang iaitu kadang-kadang ianya berlangsung sehingga menjelang tengah malam. Hal ini sama dengan Dikir Rebana yang mana persembahannya dimulakan dari jam 9 malam sehinggalah menjelang waktu subuh.

C. KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, banyak kajian terhadap produk rebana yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa tiada lagi kajian terhadap teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak, setelah melakukan pembacaan dan kajian literatur terhadap objek kajian. Sorotan kajian lepas dapat membantu menambahkan ilmu pengetahuan kepada pengkaji disamping menggunakannya sebagai bahan rujukan sepanjang kajian ini dilaksanakan.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi penyelidikan merupakan kaedah-kaedah yang digunakan oleh pengkaji sepanjang menyiapkan kajian terhadap teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Metodologi penyelidikan dilakukan agar tujuan serta objektif kajian dapat dicapai dengan sebaiknya.

Metodologi penyelidikan yang pertama digunakan ialah, menentukan objek dan topik kajian. Pengkaji mencari objek dan topik kajian yang bersesuaian dengan bidang elektifnya iaitu seni persembahan. Masih terdapat orang yang mahir didalam bidang pembuatan alatan muzik tradisional khususnya rebana anak di kawasan yang berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji iaitu di daerah Tanjung Malim, Perak. Oleh itu, pengkaji telah memilih rebana anak sebagai objek kajian kerana mudah mendapatkan maklumat mengenainya. Pengkaji boleh mendapatkan data pada bila-bila masa sahaja kerana tempatnya tidak jauh daripada rumah dan tidak memerlukan perjalanan yang jauh bagi membuat kajian lapangan terhadapnya. Tambahan pula, pengkaji turut mengenali pengusaha alatan muzik tersebut. Ianya akan lebih memudahkan proses kajian penyelidikan ini.

Bagi menguatkan lagi pengkaji untuk membuat kajian mengenai teknik pembuatan ini adalah kerana alat muzik rebana ini sangat sinonim dengan negeri Perak. Oleh itu rebana anak telah dijadikan sebagai objek kajian pengkaji manakala teknik pembuatannya adalah sebagai topik kajian. Pengkaji akan merungkaikan dan mendapatkan data bagi mengatasi permasalahan dalam kajian ini.

Kedua, mendapatkan data. Pengkaji mendapatkan data mengenai objek dan topik kajian melalui data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang akan didapati melalui kaedah pembacaan dan melakukan sorotan kajian lepas terhadap objek dan topik yang telah dipilih. Tujuan kaedah pembacaan dilakukan adalah untuk membuktikan bahawa topik kajian itu belum pernah lagi dikaji oleh individu lain.

Data sekunder pula adalah data yang akan didapati melalui kaedah temubual bersama informan iaitu pengusaha alatan muzik tradisional yang terdapat di Tanjung Malim, Perak. Tujuan mendapatkan data sekunder adalah untuk memastikan bahawa data yang didapati pada kaedah pembacaan yang dilakukan dalam data primer adalah betul dan tidak ditokok tambah sewenang-wenangnya.

Sebelum pergi menemu bual pengusaha alat muzik rebana anak itu, pengkaji akan menyenaraikan soalan-soalan yang berkaitan dengan topik kajian ini. Segala soalan akan ditanyakan kepada pengusaha tersebut agar kajian ini dapat dilengkapi dengan jayanya. Pengkaji turut akan merakam perbualan tersebut supaya maklumat itu boleh diulang dengar sepanjang menyiapkan penulisan kajian ini. Di samping itu juga, pengkaji akan membawa bahan elektronik seperti telefon bimbit untuk merakam video, perbualan suara dan menangkap gambar terhadap proses-proses teknik pembuatan rebana anak itu. Buku nota dan pen juga akan dibawa untuk menulis maklumat-maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Ketiga, menganalisis data. Data-data yang telah pengkaji dapatkan pada sebelum ini akan dikumpul dan dianalisis. Data primer dan data sekunder akan digabungkan untuk dianalisis sebelum melakukan penghuraian terhadap topik kajian iaitu teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Pengkaji akan memahami setiap data yang didapati bagi menghuraikannya dengan betul.

Keempat, menghuraikan data. Setelah data dianalisis, pengkaji akan menghuraikan segala data-data tersebut ke dalam bentuk penulisan berilmiah. Semua maklumat mengenai teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak akan ditulis mengikut struktur penulisan tesis yang betul.

Metodologi penulisan yang terakhir ialah, penulisan berilmiah ataupun tesis. Pengkaji akan melengkapkan tesis ini dengan menulis segala maklumat yang telah didapatkan olehnya pada kaedah-kaedah sebelum ini. Tesis ini ditulis mengikut format penulisan yang betul yang turut dibimbing oleh penyelia projek pengkaji iaitu, Dr Indra Utama. Beliau akan membimbing, membantu dan memantau pelajar dibawah seliannya. Pengkaji akan memastikan bahawa penulisan ini tidak mengandungi unsur-unsur plagiat dengan cara melakukan semakan melalui aplikasi turnitin terhadap penulisan ini. Penulisan berilmiah ini dilakukan adalah sebagai salah satu syarat untuk pengkaji mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian dari Universiti Malaysia Kelantan.

Sebagai kesimpulannya, metodologi penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji ini dapat membantu memudahkan dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Kaedah-kaedah yang akan digunakan disusun dan dirangka dengan sebaiknya agar perjalanan dalam menyiapkan penulisan berilmiah ini berjalan dengan lancar dan teraturnya. Pengkaji akan menentukan objek dan topik kajian, mendapatkan data, menganalisis data, menghuraikan data bagi menjayakan penulisan berilmiah ini.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

PENGENALAN

Selepas menjalankan kajian dengan lebih terperinci tentang teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak, pengkaji telah mendapatkan data-data yang lengkap mengenai topik kajian. Semua objektif dapat dicapai dengan baiknya. Segala data telah dianalisis oleh pengkaji dengan jayanya. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam menyiapkan penulisan berstruktur ini. Oleh itu, pengkaji telah menemubual seorang pengusaha di dalam bidang pembuatan alatan muzik tradisional iaitu Encik Muhammad Hanif Bin Nasir atau lebih mesra dipanggil Encik Hanif.

Encik Hanif kini menetap di Tanjung Malim, Perak dan amat mahir dalam membuat alat muzik rebana anak. Beliau berasal dari Pasir Mas, Kelantan dan bekerja di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Di samping itu juga, beliau telah menjadikan bidang pembuatan alat muzik ini sebagai sumber kedua dalam menjana pendapatan. Encik Hanif menjadikan kegiatan ini sebagai hobi pada permulaannya dan menjadikan Arwah Pak Husin atau Husin Bin Yusuf sebagai tok gurunya.

Terdahulu, Encik Hanif hanya melihat sahaja tok gurunya itu membuat alatan muzik tradisional dikir barat tetapi tidak membuatnya. Apabila Pak Husin meninggal dunia, pelanggan mencari pembuat alat muzik yang sama dengan hasil karya tangan Pak Husin. Encik Hanif turut dikenali kerana selalu bersama Pak Husin. Maka, daripada itu terdapat permintaan dari pelanggan, agar Encik Hanif untuk membuatnya. Hasil yang

dibuat oleh Encik Hanif ini sama seperti tok gurunya. Selepas memiliki modal, beliau membeli mesin agar pembuatan alat muzik dapat disiapkan dengan kadar masa yang segera. Encik Hanif mula menjual alat muzik hasil daripada tangannya sendiri pada tahun 2017.



Gambar 6.
Pengkaji Bersama Informan (Encik Hanif)

DATA KUALITATIF

Menurut Encik Hanif, teknik pembuatan rebana anak tidak memerlukan masa yang lama untuk disiapkan. Ianya mengambil masa selama dalam 4 ke 5 hari sahaja sekiranya memberikan komitmen yang sepenuhnya. Selain itu juga, masa pembuatan ini mengambil kira daripada aspek ketersediaan bahan-bahan serta peralatan-peralatan yang akan digunakan. Oleh itu, pengkaji telah mendapatkan data daripada Encik Hanif beserta data daripada kaedah pembacaan lalu menganalisisnya dan menghuraikan teknik pembuatan rebana anak ini secara menyeluruh mengikut langkah-langkah betul ke dalam bentuk penulisan yang berstruktur.

TEKNIK PENGOLAHAN BAHAN

Kayu perlu dikeringkan dalam masa berbulan lamanya kerana apabila kita menggunakan kayu yang basah dan lembab, rebana anak mudah untuk mengecut dan tidak menegang. Kualiti rebana anak itu nanti tidak dapat memuaskan hati para pelanggannya. Kadar masa 4 ke 5 hari itu adalah apabila bahan-bahan itu telah lengkap disediakan, termasuklah apabila bahan-bahan basah seperti kayu dan kulit haiwan itu siap untuk digunapakai (telah kering).

Teknik pembuatan rebana anak memakan masa beberapa hari untuk disiapkan kerana kaedah pembuatannya perlu dilakukan secara teliti serta mengikut proses-proses yang telah ditetapkan. Hanya orang yang betul-betul minat, mempunyai nilai kesabaran yang tinggi dan pakar sahaja yang boleh menyiapkan produk rebana anak yang berkualiti tinggi.

Bahan utama didalam teknik pembuatan rebana anak adalah kayu. Kayu digunakan untuk membuat badan (body) atau juga disebut sebagai baluh rebana anak. Antara kayu yang boleh digunakan adalah seperti kayu tunjuk langit, kayu cengal, kayu nangka dan kayu jati. Kayu-kayu yang hendak digunakan mestilah bersifat keras dan tak mudah pecah. Hal ini demikian kerana, untuk memastikan supaya badan rebana itu bertahan lebih lama dan apabila kita melakukan proses pemakuan aksesori seperti rotan pada badan rebana, ianya tidak mudah pecah disebabkan oleh ketukan paku itu.



Gambar 7.
Kayu yang telah Dikeringkan

TEKNIK PEMBENTUKKAN SAIZ, TEKNIK PEMASANGAN DAN TEKNIK

FINISHING

Setelah itu, kayu yang telah dikeringkan siap untuk digunakan pada langkah yang seterusnya. Kayu yang siap dipotong dan dikeringkan akan ditandakan pada bahagian bulatan tengah sebelum diletakkan pada mesin larik (wood lathe). Fungsi membuat bulatan tengah sebelum meletakkan kayu pada mesin larik itu adalah untuk menjadikan

badan rebana anak lebih kelihatan bulat. Hal ini demikian kerana, permukaan dan tekstur kayu adalah tidak sekata dan tidak bulat sepenuhnya.



Gambar 8.
Bahagian Tengah Kayu Ditandakan



Gambar 9.
Kayu Diletakkan Pada Mesin Larik

Seterusnya, kayu dilekatkan kemas pada mesin larik, kayu akan dibiarkan berpusing membentuk bulatan dan untuk mendapatkan permukaan yang rata. Kemudian, ambil peralatan seperti pahat mata larik untuk melicinkan dan meratakan permukaan kayu yang akan membentuk bulatan. Pahat mata larik itu mestilah ditajamkan terlebih dahulu agar proses memahat kayu menjadi lancar dan tidak meninggalkan sisa-sisa kayu.



Gambar 10.
Pahat Mata Larik Ditajamkan

Aspek keselamatan juga perlu dijaga dengan rapi ketika melakukan teknik pembuatan rebana anak agar tiada kecederaan berlaku. Selepas pahat mata larik ditajamkan, proses memahat kayu badan rebana anak akan dimulakan. Pada kebiasaannya, saiz muka rebana anak adalah 8 hingga ke 10 inci. Badan rebana anak akan dipahat sehingga mendapat saiz yang dikehendaki. Di samping itu juga, semasa proses

memahat dilakukan, saiz badan rebana perlu ditengok dengan teliti supaya tidak terlebih dan terkurang. Maksudnya disini, kita mesti berhenti seketika untuk melihat sama ada saiznya itu betul atau tidak. Sekiranya kayu badan rebana masih besar, proses memahat diteruskan.



Gambar 11.
Mengukur Saiz Badan Rebana Anak Sebelum Dipahat



Gambar 12.
Badan Rebana Anak Dipahat

Teknik yang seterusnya ialah, melicinkan dan menghaluskan lagi badan rebana anak. Teknik ini menggunakan bahan seperti kertas pasir. Penggunaan kertas pasir juga adalah secara berperingkat iaitu dari yang kasar, sederhana sehingga yang halus. Hal ini demikian kerana untuk mendapatkan lagi permukaan yang halus serta selesa untuk dipegang semasa pemain memainkannya. Badan rebana anak masih perlu dibiarkan berpusing pada mesin larik dan digosok dengan kertas pasir sehingga halus dan licin.

Selain itu juga, selepas siap dilicinkan, badan rebana akan dibuat urat pada sekelilingnya. Teknik ini adalah pilihan sahaja, kerana ianya adalah sebagai perhiasan dan untuk menampakkan lagi kecantikan pada badan rebana anak. Pada zaman dahulu, proses ini tidak dibuat. Sekarang, proses ini ditambah bagi memenuhi permintaan pelanggan yang menginginkan kualiti tinggi dan corak yang menampakkan eksklusif. Urat turut dibuat dengan menggunakan peralatan pahat. Urat itu adalah seperti ukiran garisan bulat yang mengelilingi badan rebana anak. Pahat akan mengukir ukiran urat itu semasa badan rebana masih lagi berada pada atas mesin larik. Teknik ini memerlukan penelitian yang tinggi agar ukiran tersebut menjadi kemas dan tidak rosak. Ukiran urat ini akan dibuat pada bahagian depan dan juga pada bahagian belakang badan rebana anak.



Gambar 13.
Melicinkan Rebana Anak Menggunakan Kertas Pasir



Gambar 14.
Ukiran Urat (Garis) Pada Badan Rebana Anak

Apabila ukiran urat siap dilakukan, teknik yang seterusnya ialah, menebuk lubang tengah kayu untuk membentuk bingkai badan rebana anak. Kayu yang siap dilicinkan dan dibuat ukiran urat masih perlu dikekalkan pada mesin larik. Kayu tersebut perlu dibuang pada bahagiannya dan akan berbentuk seperti bulatan sebuah bingkai. Untuk menebuk bahagian tengah bulatan kayu, ianya mesti menggunakan peralatan seperti pahat mata larik. Sama juga seperti proses melicinkan kayu sebentar tadi, pahat mata larik perlu ditajamkan terlebih dahulu sebelum menggunakannya kerana kita ingin mata pahat yang tajam untuk menebuk bahagian tengah kayu yang keras. Apabila mata pahat tumpul, ianya perlu ditajamkan seketika. Di samping itu juga, semasa proses ini dilakukan, kertas pasir turut digunakan bagi melicinkan dan menghaluskan lagi bahagian dalaman bingkai badan rebana anak itu.



Gambar 14.
Proses Menebuk dan Membuang Bahagian Tengah Kayu



Gambar 15.
Badan Rebana Anak Setelah Ditebuk

Menurut Encik Hanif, selepas bingkai badan rebana anak siap dibuat, kita mesti memahatnya sekali lagi. Hal ini bagi membuang lebih-lebihan kayu yang tidak diinginkan pada dalaman bingkai rebana anak. Selain itu juga menggosok bingkai rebana anak dengan menggunakan kertas pasir bagi mendapatkan kualiti yang halus, tidak berbulu dan licin.



Gambar 16.
Bingkai Digosok Dengan Kertas Pasir

Teknik yang seterusnya ialah, memasang rotan pada bahagian tepi bingkai kayu rebana anak. Rotan dipasang pada bahagian bingkai belakang terlebih dahulu. Potong rotan mengikut saiz bulatan bingkai rebana anak tersebut supaya mendapat saiznya yang sesuai. Rotan perlu dilentur sebaiknya agar mengikut bentuk menjadi bulat. Sekiranya rotan susah untuk dilenturkan, ianya perlu dilembutkan dengan menggunakan api. Rotan tersebut dipanaskan dan dilayurkan sehingga mengikut bentuk bingkai bulatan rebana

anak. Selain itu juga, rotan turut diraut bagi mendapatkan permukaan yang baik. Setelah mendapatkan rotan berbentuk bulat yang telah mengikut saiz badan rebana anak, rotan tersebut perlu dilekatkan pada badan rebana anak dengan menggunakan paku bersaiz kecil. Tujuan menggunakan paku bersaiz kecil adalah untuk mengelakkan rotan pecah semasa dipaku pada badan rebana anak. Semasa proses memaku ini juga, ketukan paku pada badan rebana anak tidak dipasang secara kemas dan rapat lagi kerana pada proses seterusnya, kita akan letakkan rotan yang lain.

Proses yang seterusnya membelah rotan untuk dijahit pada badan rebana anak. Rotan ini dibelah bagi mendapatkan saiz yang halus supaya senang untuk dijahit nanti. Setelah siap dibelah, rotan itu akan disamakan saiznya dengan memasukkannya ke dalam besi seperti yang ditunjukkan pada gambar di bawah. Setelah siap rotan digulung agar kualitasnya terjaga dan tidak mudah berbulu. Jenis rotan yang digunakan ialah rotan pulur.



Gambar 17.
Proses Membelah Rotan

Selepas itu adalah proses membuat baji. Baji adalah seperti berbentuk segi tiga untuk dilekatkan pada badan rebana anak. Lakarkan bentuk segi tiga pada kayu, kemudian potong dengan menggunakan gergaji. Selepas siap dipotong berbentuk seperti segi tiga,

baji tersebut perlu dilicinkan dengan mesin grinder. Baji dibuat bagi membantu pada bahagian tuning ataupun mendapatkan bunyi rebana anak yang baik.



Gambar 18.
Proses Membuat Baji

Teknik yang kemudiannya adalah membersihkan bulu haiwan iaitu kambing. Kulit kambing dibersihkan dengan kaedah direndamkan ke dalam air paip. Tujuannya adalah untuk membuang segala kotoran yang melekat pada kulit kambing. Kulit kambing perlu direndamkan semalaman ataupun cukup selama 4 jam sahaja.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 19.
Kulit Kambing Direndamkan Dan Dibersihkan

Setelah siap dibersihkan, kulit kambing akan dicukur dengan menggunakan pisau jilid. Mata pisau itu mestilah tajam supaya kulit kambing tidak rosak semasa dicukur. Bulu kambing perlu disamakan alurnya sebelum dicukur untuk memudahkan kita untuk mencukurnya.

Teknik ini memerlukan penelitian yang tinggi supaya tiada kecederaan dan kerosakan yang berlaku. Sekiranya, kulit kambing terkoyak semasa proses mencukur, ianya tidak boleh digunakan lagi kerana bimbang ianya mudah terbuka apabila kita menggunakannya nanti.



Gambar 20.
Kulit Kambing Dicukur

Seterusnya, adalah proses memasang kulit kambing pada badan rebana anak. Kulit kambing akan dipaku pada badan rebana anak dengan menggunakan paku yang bersaiz kecil supaya ianya tidak mudah terkoyak. Proses pemakuan pada kali ini adalah sementara dahulu sebelum bergerak kepada proses yang berikutnya. Kulit kambing perlu ditegangkan lalu dipaku.

Kemudiannya, ambil rotan untuk dipaku bersama kulit kambing. Rotan mesti direndamkan dalam air supaya senang untuk dilenturkan. Lampirkan kulit kambing pada atas badan rebana anak lalu letakkan rotan berbentuk bulat diatasnya. Kulit kambing dilipat sedikit kedalam lalu dipaku lagi pada badan rebana anak. Sama juga seperti proses sebelum ini, paku kecil digunakan bagi mengelakkan kulit kambing dan rotan menjadi rosak.



Gambar 21.
Proses Pemakuan Rotan Bersama Kulit Kambing

Teknik yang seterusnya ialah dipanggil sebagai proses merambing. Teknik merambing adalah proses dimana rotan yang dibelah sebentar tadi, akan dijahit pada sekeliling badan rebana anak. Kulit kambing akan ditebuk lubang lalu dimasukkan rotan. Teknik ini memerlukan kesabaran dan penelitian yang tinggi supaya jahitan rotan pada badan rebana anak akan kelihatan kemas dan sekata. Sekiranya, rotan keras semasa proses jahitan dilakukan, ianya perlu dicelupkan kedalam air seketika sebelum sambung menjahitnya. Proses ini ditamatkan apabila rotan siap dijahit mengelilingi badan rebana anak. Setelah itu, badan rebana anak yang siap sepenuhnya, digosok dengan kertas pasir bagi mendapatkan tekstur yang licin dan bersih. Lalu rebana anak siap dikeringkan dan siap untuk digunakan.



Gambar 22.
Proses Merambing

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, berdasarkan kepada analisis data yang dibuat, dapat saya simpulkan bahawa teknik pembuatan rebana anak memerlukan beberapa proses untuk mendapatkan hasil yang berkualiti tinggi. Antara proses tersebut ialah, proses pengolahan bahan, proses pembentukan saiz, proses pemasangan dan proses finishing. Teknik pembuatan rebana anak perlu melalui proses-proses ini untuk disiapkan.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

KESIMPULAN

Pada bab ini akan menjelaskan mengenai kesimpulan dan juga cadangan berdasarkan analisis data dan dapatan kajian yang telah didapati oleh pengkaji. Kesimpulan dan cadangan ini dibuat juga adalah berdasarkan daripada Bab 1, Bab 2, Bab 3, Bab 4 dan Bab 5. Oleh itu, berdasarkan kesimpulan yang dilakukan, beberapa cadangan akan dikemukakan bagi memartabatkan lagi teknik pembuatan alat muzik tradisional khususnya rebana anak.

Permasalahan kajian pengkaji adalah mengenai teknik pembuatan rebana anak di Tanjung Malim, Perak. Teknik pembuatan alatan muzik tradisional memerlukan tenaga yang mahir dalam menghasilkannya. Tidak ramai yang mahir dalam menghasilkan teknik pembuatan rebana anak pada masa kini walaupun permintaan terhadap alat muzik tradisional tersebut adalah tinggi. Hal ini demikian dikatakan kerana, prosesnya adalah melalui dari awal sehingga akhir iaitu dimulakan dengan teknik pengolahan bahan. Bahan-bahan yang diperlukan juga kebanyakannya diambil dari alam semula jadi seperti kayu dan kulit haiwan seperti kambing. Bahan-bahan seperti ini perlu dikeringkan terlebih dahulu sebelum menggunakannya.

Teknik yang seterusnya ialah, teknik pembentukan bahan. Teknik pemasangan dan teknik finishing. Pada bahagian ini, pengkaji telah mendapatkan data melalui data primer dan sekunder untuk mendapatkan maklumat mengenai teknik

pembuatan rebana anak. Teknik pembentukan bahan dan teknik pemasangan dimulakan dengan pemotongan kayu untuk dijadikan rebana anak. Kemudiannya membentuk rotan untuk diletakkan pada badan rebana anak. Teknik yang terakhir adalah finishing. Pada proses ini, ianya adalah bergantung kepada permintaan pelanggan. Corak dan kekemasan pada rebana anak juga mempengaruhi pada harganya kerana bukan mudah untuk membuat dan menyiapkan sebuah rebana anak yang berkualiti tinggi dan tahan lebih lama.

Namun pada masa kini, teknik pembuatan rebana anak kurang didedahkan dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Masyarakat terutamanya golongan muda tidak berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pembuatan alatan muzik tradisional.

CADANGAN

Antara cadangan yang perlu dilakukan untuk memperkenalkan lagi teknik pembuatan rebana anak adalah dengan cara peranan media massa. Mempromosikan dan menyetengahkan mengenai teknik pembuatan rebana anak di laman media sosial adalah antara salah satu cara agar warisan seni persembahan kita sentiasa terpelihara. Hal ini demikian kerana, masyarakat kini kebanyakannya menggunakan laman media sosial sebagai salah satu tempat atau platform untuk mendapatkan info mahupun maklumat. Media sosial amat mendapat tempat pada semua masyarakat di dunia.


Manusia hidup dalam keadaan teknologi yang serba canggih. Oleh itu kita mestilah mengambil peluang ini untuk menyetengahkan teknik pembuatan alat muzik melalui platform media sosial seperti aplikasi Facebook, Instagram, Twitter, Youtube dan Tiktok. Penyampaian info ataupun pengiklanan maklumat mengenai teknik pembuatan rebana anak secara infografik dan video pendek di laman media sosial. Ianya dapat memudahkan masyarakat supaya lebih memahami isi yang ingin disampaikan tanpa perlu membacanya dengan masa yang panjang. Selain itu juga, masyarakat terutamanya golongan muda tidak mudah berasa bosan sekiranya ianya diiklankan secara infografik dan video pendek. Antara aplikasi tontonan video pendek yang popular pada waktu ini ialah Tiktok. Golongan muda lebih teruja menonton video pendek mengenai teknik pembuatan alat muzik yang akan diiringan oleh muzik mahupun lagu yang menarik. Lama kelamaan, apabila teknik pembuatan rebana anak sering disiarkan di laman media sosial, ianya pasti akan terus dikenali dan diketahui kewujudannya oleh masyarakat terutamanya golongan muda kini.

Cadangan yang kedua ialah melalui pendidikan. Bak kata pepatah ‘Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya’. Kita mesti menerapkan mengenai teknik pembuatan alatan muzik tradisional dari pendidikan rendah lagi. Pihak sekolah harus berperanan


dalam memperkenalkan proses menghasilkan sesebuah alatan muzik. Budaya warisan didalam bidang seni persembahan perlu dikekalkan demi kesinambungan warisan di negara kita.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

RUJUKAN

INTERNET

Kamus Bahasa Melayu, Kamus pelajar edisi kedua, Dewan Bahasa Dan Pustaka,

<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=rebana&d=102572&#LIHATSINI>

Fakhrie Amir (2019), Blog Sejarah Tanjung Malim Perak,

<https://www.tempatmenarik.my/sejarah-tanjung-malim-perak/>

Noor Hidayah Tanzizi(2020), Blog Jejak Seni Warisan Rebana Perak: Penerbit Berita Harian,

<https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/santai/2020/11/748584/jejak-seni-warisan-rebana-perak>

Muhammad Zulsyamini Sufian Suri(2017), Artikel Rebana Perak Produk Baharu Pelancongan Negeri : Penerbit Berita Harian,

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/12/365017/rebana-perak-produk-baharu-pelancongan-negeri>

Rebana, Kesenian Islam yang Mulai Sirna,

<https://republika.co.id/berita/dunia-islam/khazanah/14/03/25/n2zcj9-rebana-kesenian-islam-yang-mulai-sirna-1>

Aniza Zainudin(2019), Blog Muzik Lambang Budaya, Kuala Lumpur: Penerbit, Harian Metro,

<https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/08/483625/muzik-lambang-budaya>

BUKU

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2020),Alat Muzik Tradisional: Daya Dan Bunyi. Kuala Lumpur: Penerbit,Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

Nik Mustapha Bin Nik Mohd Salleh(2009), Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia. Kuala Lumpur: Penerbit,Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara(JKKN)

TEMUBUAL

Encik Muhammad Hanif Bin Nasir

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN